

USIM larang pensyarah ulas isu 'markah kasihan'

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam 'mengeluarkan' arahan kepada semua pensyarahnya supaya tidak 'membuka mulut' kepada

mana-mana media berhubung isu membabitkan 'markah kasihan'.

Beberapa pensyarah universiti itu yang dihubungi *Kosmo!* ketika diminta me-

ngulas mengenai isu tersebut memberitahu, pihak pentadbiran USIM melarang mereka daripada mengeluarkan sebarang kenyataan kepada media bagi mengelak sebarang maklumat tidak tepat dilaporkan kepada umum.

"Minta maaf, saya tidak dapat berjumpa anda (wartawan *Kosmo!*) kerana pihak pentadbiran

telah mengetahui dan saya diarah untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Syukor Husin menafikan wujud pemberian 'markah kasihan' di universiti tersebut dan menegaskan tiada jalan pintas kepada para pelajarnya untuk lulus peperiksaan.

Rabu lalu, *Kosmo!* melaporkan dakwaan seorang be-

kas pensyarah universiti itu yang dikenali sebagai Nor, 35, yang mendakwa beliau terpaksa meletakkan jawatan berikutan tindakannya hanya meluluskan empat daripada 157 pelajar jurusan undang-undang.

Menurut pensyarah itu, punca peletakan jawatan itu kerana beliau tidak tahan lagi menerima tekanan supaya mengikut kehendak universiti yang mahukan dia memberi 'markah kasihan' kepada pelajarnya.